DS_1 SP (Pin 1/2017)

KERAJAAN MALAYSIA

**IBU PEJABAT**
**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**
MENARA HASIL
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN

# SIJIL SETEM

ASAL

*STAMP CERTIFICATE*

(Sila lekatkan sijil setem ini ke atas surat cara sebagai bukti penyeteman)
*Please attach this stamp certificate to the instrument as evidence of stamping*

| | |
|---|---|
| **Cara Bayaran** *Payment Method* | FPX TRANSACTIONS |
| **No. Adjudikasi** *Adjudication No.* | T01E252710XJ001 |
| **Jenis Surat Cara** *Type Of Instrument* | PERJANJIAN PERKHIDMATAN SURAT CARA UTAMA |
| **Tarikh Surat Cara** *Date Of Instrument* | 01/01/2024 |
| **Balasan** *Consideration* | RM 224,851.44 |

**Maklumat Pihak Pertama / Penjual / Pemberi** *First Party / Vendor / Transferor / Assignor*
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

**Maklumat Pihak Kedua / Pembeli / Penerima** *Second Party / Purchaser / Transferee / Assignee*
SAUJANA CIPTA SECURITY SDN.BHD., (893859U)

**Butiran Harta / Suratcara** *Property / Instrument Description*
TIDAK BERKENAAN

Dengan ini disahkan surat cara ini disetem dan diindors seperti maklumat di bawah:
*This is to certify this instrument is stamped and indorsed as below:*

| | |
|---|---|
| **No. Sijil Setem** *Stamp Certificate No.* | J0011A241196837 |
| **Tarikh Penyeteman** *Date of Stamping* | 21/01/2024 |
| **Duti Setem Dikenakan** *Amount of Stamp Duty* | RM 225.00 |
| **Penalti** *Penalty* | RM 0.00 |
| **Pelarasan** *Adjustment* | RM 0.00 |
| **Jumlah Dibayar** *Total Amount Paid* | RM 225.00 |
| **Indorsemen** *Indorsement (Akta Setem 1949)* | Seksyen 37,P.U.(A) 428/2021 |

Pemungut Duti Setem

No. Kelulusan Perbendaharaan *Treasury Approval No.* : KK/BSKK/10/600-2/1/2(60)

Tarikh Cetak *Printed Date : 21/01/2024 04:26:54*

Pengesahan ketulenan Sijil Setem ini boleh dipastikan di stamps.hasil.gov.my atau melalui aplikasi telefon pintar
*The authenticity of this Stamp Certificate can be verified at stamps.hasil.gov.my or by mobile app*
Ini adalah cetakan komputer dan tidak perlu ditandatangani
*This is a computer generated printout and no signature is required*

--- *tamat/end* ---

**PERJANJIAN**

**DI ANTARA**

**PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA**

**DENGAN**

**SAUJANA CIPTA SECURITY SDN. BHD.**
**(No. Pendaftaran: 893859-U)**

**BAGI**

**PERKHIDMATAN PENGAWALAN DAN PENGAWASAN KESELAMATAN BAGI BANGUNAN PEJABAT MPC WILAYAH SELATAN**

No. Perjanjian : K1/2024
Nilai Kontrak : RM224,851.44
Nilai Cagaran : RM5,621.29

## DOKUMEN PERJANJIAN

PERJANJIAN ini dibuat pada 01 haribulan 01 tahun **2024**

DI ANTARA

**PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA** badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Produktiviti Malaysia (Pemerbadanan) 1966 yang beralamat di **Lorong Produktiviti Off Jalan Sultan, 46200 Petaling Jaya, Selangor** (selepas ini disebut **"MPC"**) sebutan yang mana meliputi pengganti-pengganti atau wakil-wakilnya sebagai satu pihak;

DAN

**SAUJANA CIPTA SECURITY SDN. BHD.** sebuah perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 **(No. Pendaftaran 893859-U)** yang beralamat di **No. 20, Jalan Siantan 1, Taman Kemas, 81200 Johor Bahru, Johor** (selepas dari ini disebut sebagai **"Kontraktor"**) sebutan yang mana meliputi pengganti-pengganti atau wakil-wakilnya sebagai pihak yang satu lagi.

(kedua-dua pihak MPC dan Kontraktor boleh dirujuk secara berasingan sebagai "**Pihak**" atau secara bersesama sebagai "**Pihak-Pihak**").

**MUKADIMAH**

1. BAHAWASANYA MPC adalah badan berkanun bernama Perbadanan Produktiviti Malaysia yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meterai dan kuasa bagi memperolehi dan memegang harta yang boleh dialih atau yang tak boleh dialih dan melepaskan atau dengan jalan lain membuat apa-apa berkenaan dengannya.

2. DAN BAHAWASANYA MPC telah mempelawa syarikat-syarikat atau firma-firma yang berkelayakan menurut syarat-syarat yang dinyatakan dalam 'Syarat-Syarat Am Tender' dalam Dokumen Sebut harga untuk **Perkhidmatan Pengawalan dan Pengawasan Keselamatan bagi Bangunan MPC Wilayah Selatan** (selepas dari ini disebut sebagai **"Kontrak Tersebut"**).

3. DAN BAHAWASANYA Kontraktor telah memohon kepada MPC dan menawarkan untuk melaksanakan dan menjalankan Kontrak Tersebut yang disebut, ditunjuk, diperihal dan dimaksudkan dalam atau yang hendaklah ditakrifkan dari Dokumen Sebut Harga dan dirujukkan di sini sebagai **Lampiran 1** Perjanjian ini.

4. MPC bersetuju menerima tawaran dari Kontraktor seperti yang dirujukkan di atas tertakluk kepada syarat-syarat dan had-had yang dinyatakan kemudian daripada ini.

**MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI** seperti berikut:

1.0 **TAKRIF**

Dalam Perjanjian ini dan dalam syarat-syarat dan jadual-jadual yang dilampirkan bersama, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, perkataan-perkataan dibawah hendaklah mempunyai maksud yang berikut:

1.1 "Dokumen Sebut Harga" maksudnya dokumen yang dilampirkan sebagai **Lampiran 1** bersama dengan Perjanjian ini dan hendaklah disifatkan menjadi sebahagian dari Perjanjian ini.

1.2 “Harga Kontrak” maksudnya balasan yang dibayar oleh MPC kepada Kontraktor untuk Perkhidmatan berjumlah **Ringgit Malaysia Dua Ratus Dua Puluh Empat Ribu Lapan Ratus Lima Puluh Satu Ringgit dan Sen Empat Puluh Empat (RM224,851.44)** sahaja.

1.3 "Kontraktor" maksudnya **SAUJANA CIPTA SECURITY SDN. BHD.** sebuah perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan beralamat di **No. 20, Jalan Siantan 1, Taman Kemas, 81200 Johor Bahru, Johor.**

1.4 "Kontrak Tersebut" maksudnya kontrak yang ditakrifkan menurut perenggan 2 (Mukadimah) Perjanjian ini.

1.5 "MPC" maksudnya **PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA** badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Produktiviti Malaysia (Pemerbadanan) 1966.

1.6 "Perkhidmatan" maksudnya semua jenis perkhidmatan di bawah Kontrak Tersebut dan diperihalkan dalam Dokumen Sebut Harga.

## 2.0 PERIHAL KONTRAK

2.1 Kontraktor adalah dikehendaki melaksanakan Perkhidmatan di bawah Kontrak Tersebut dan diperihalkan dalam Dokumen Sebut Harga dengan bayaran **Ringgit Malaysia Dua Ratus Dua Puluh Empat Ribu Lapan Ratus Lima Puluh Satu Ringgit dan Sen Empat Puluh Empat (RM224,851.44)** sahaja.

2.2 Bagi maksud melaksanakan Kontrak Tersebut, Kontraktor dengan ini bersetuju bahawa segala syarat-syarat yang terkandung di dalam Dokumen Sebut Harga seperti di **Lampiran 1** dan Surat Setuju Terima di **Lampiran 2** hendaklah dijadikan sebahagian dari Perjanjian ini dan hendaklah ditakrifkan bersama-sama dengan syarat-syarat yang sedia ada di dalam Perjanjian ini.

## 3.0 PEMBAYARAN KONTRAK

3.1 Bagi tujuan Perjanjian ini dan sebagai balasan kepada Perkhidmatan oleh Kontraktor, MPC hendaklah membayar kepada Kontraktor bayaran Harga Kontrak tersebut secara berperingkat sepertimana yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga seperti di **Lampiran 1** Perjanjian ini.

3.2 Pembayaran kepada Kontraktor oleh MPC atas perlaksanaan Kontrak Tersebut akan dibuat berdasarkan kualiti Perkhidmatan yang telah ditetapkan menurut Dokumen Sebut Harga dan akan dijelaskan oleh MPC selepas invois/bil dan salinan asal pesanan jabatan diterima dan disahkan oleh MPC dengan memuaskan mengikut spesifikasi yang dirujukkan dalam Dokumen Sebut Harga. MPC berhak membuat potongan ke atas bayaran itu sekiranya didapati kerja-kerja tidak memuaskan tidak mengikut spesifikasi atau tidak dibuat langsung.

3.3 Adalah dipersetujui bahawa MPC berhak selain dari cara dan masa pembayaran yang ditetapkan di atas menentukan cara pembayaran yang lain dan melanjutkan masa pembayaran yang dibuat kepada Kontraktor dalam masa berkuat kuasanya Perjanjian ini.

## 4.0 TEMPOH PERJANJIAN

4.1 Tempoh Perjanjian ini adalah selama **Dua Puluh Empat (24)** bulan dan berkuatkuasa mulai dari tarikh **1 Januari 2024** hingga **31 Disember 2025.**

5.0 **REPRESENTASI DAN WARANTI**

5.1 Kontraktor dengan ini mengaku janji bahawa segala keterangan-keterangan berikut adalah benar:

a) Kontraktor adalah sebuah perniagaan yang didaftarkan di Malaysia dan mempunyai kuasa dan layak untuk menjalankan kontrak tersebut dan telah menyempurnakan segala kehendak-kehendak undang-undang untuk menjalankan Kontrak tersebut;

b) Segala tindakan yang perlu dan wajar telah diambil oleh Kontraktor untuk melayakkannya menandatangani Perjanjian ini;

c) Tidak ada tindakan undang-undang atau apa-apa prosiding telah diambil atau sedang dijalankan di Mahkamah atau badan lain yang boleh menggugat atau memberi kesan kepada keadaan dan perniagaan Kontraktor;

d) Segala kebenaran, lesen dan lain-lain hal yang berkaitan dengan perniagaan Kontraktor telah diperolehi dan disempurnakan dan tidak ada apa-apa keadaan atau syarat-syarat yang boleh menyebabkan kebenaran untuk lesen Kontraktor ditarik balik;

e) Segala butir-butir dan keterangan termasuk keadaan kewangan Kontraktor yang diberikan oleh Kontraktor kepada MPC adalah benar belaka;

f) Ia telah mengambil polisi insurans yang perlu seperti polisi Insurans Tanggungan Awam dan polisi Insurans Kerja, dan mendaftar pekerjanya dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO); dan

g) Ia mempunyai kemahiran dan kepakaran seseorang yang berkelayakan untuk memberi Perkhidmatan kepada MPC.

5.2 Bahawasanya representasi dan waranti yang telah diberikan di atas akan berkuat kuasa dalam tempoh berkuat kuasanya Perjanjian ini.

6.0 **BON PELAKSANAAN**

6.1 Kontraktor adalah dikehendaki sebelum atau semasa menandatangani perjanjian ini melaksanakan perkara-perkara berikut kepada MPC:

(a) Mengemukakan Bon Perlaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans yang tak boleh batal daripada sebuah Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans yang diluluskan dan didaftarkan di Malaysia atau lain-lain cara yang dipersetujui oleh MPC dengan jumlah sebanyak **RM5,621.29 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu Enam Ratus Dua Puluh Satu dan Sen Dua Puluh Sembilan Sahaja)** yang yang sah dari tarikh kuatkuasa perjanjian ini sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat perjanjian ini atau tarikh obligasi terakhir mengikut mana yang terkemudian.

(b) Adalah sentiasa dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa bon pelaksanaan yang dirujukkan di perenggan 6.1 di atas akan dikembalikan kepada kontraktor atau dibatalkan tanpa apa-apa faedah selepas dua belas (12) bulan sesudah perjanjian ini ditamatkan dengan memuaskan atau tarikh akhir obligasi terakhir mengikut mana yang terkemudian dan tertakluk kepada potongan yang dibuat oleh MPC mengikut peruntukan dalam perjanjian ini atau apa-apa perlanggaran syarat-syarat perjanjian ini yang dilakukan oleh Kontraktor di bawah perjanjian ini.

7.0 **GANTIRUGI**

7.1 Kontraktor bersetuju dengan MPC bahawa:

a) Kontraktor hendaklah melaksanakan semua obligasinya di bawah perjanjian ini atas risikonya dan hendaklah melepaskan, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, MPC daripada apa-apa tuntutan akibat daripada apa-apa kemalangan, kerosakan, kecederaan atau kematian yang berlaku berpunca daripada pelaksanaan Perkhidmatan dan MPC tidak bertanggungjawab atau bertanggungan terhadap kemalangan, kerosakan, kecederaan atau kematian tersebut.

b) Kontraktor hendaklah menanggung rugi dan akan sentiasa menanggung rugi MPC daripada dan terhadap apa-apa tindakan guaman, tuntutan, prosiding, kehilangan, kerosakan, kerugian, pampasan, kos (termasuk kos berkaitan guaman dan perundangan) dan apa-apa pembayaran dari perbelanjaan yang mana MPC akan atau menjadi bertanggungan berkenaan dengan atau timbul daripada keadaan seperti berikut:

i) Perbuatan salah guna dan kecuaian Kontraktor, pekerjanya, ejennya atau mana-mana pihak lain yang dilantik oleh Kontraktor termasuklah pekerja atau ejen pihak ketiga tersebut;

ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan kepada harta benda atau kecederaan, dalam apa jua sifat, bentuk atau keadaan sekalipun yang dialami atau disebabkan oleh pelaksanaan Perkhidmatan oleh Kontraktor untuk mana-mana individu dan ia tidak disebabkan oleh kecuaian atau tindakan sengaja, kesilapan atau ketinggalan MPC, pekerja atau ejennya; atau

iii) Apa-apa kerugian, kerosakan atau kecederaan yang timbul daripada apa jua sebab kepada harta benda atau mana-mana

individu yang terlibat dengan pelaksanaan Perkhidmatan sehingga setakat mana perkara tersebut disebabkan atau disumbangkan oleh tindakan, ketinggalan, kecuaian, perlanggaran atau kemungkiran Kontraktor atau pekerjanya, ejen atau mana-mana pihak yang dilantik oleh Kontraktor; dan

c) Obligasi Kontraktor di bawah Klausa ini selepas Tarikh Luput Perjanjian atau pada tarikh penamatan awal Perjanjian ini sekiranya terdapat apa-apa tanggung rugi akibat dari tindakan, perbuatan, perkara atau hal yang berlaku sebelum Perjanjian ini luput atau ditamatkan.

7.2 Kontraktor hendaklah, dengan kos dan perbelanjaannya sendiri, menanggung rugi, melindungi dan mempertahankan MPC, kakitangannya atau ejennya daripada dan terhadap apa-apa tindakan, tuntutan dan liabiliti yang berpunca daripada tindakan Kontraktor dalam melaksanakan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini termasuklah penggunaan atau perlanggaran apa-apa kerja hak cipta, karya sastera atau reka cipta, barangan atau alatan berpaten milik mana-mana orang dalam apa jua bentuk.

## 8.0 KELEWATAN PERKHIDMATAN

8.1 Bagi Perkhidmatan yang lewat disiapkan oleh Kontraktor, MPC boleh:

a) menerima Perkhidmatan itu dan menuntut daripada Kontraktor sejumlah pampasan yang dibayar untuk setiap hari kelewatan mengikut formula seperti berikut: atau

$$\frac{\text{Jumlah Harga Kontrak (T + D)}}{\text{T}} \quad \text{x} \quad \text{BLR (Purata 5\%)}$$

T: Tempoh dari tarikh dipersetujui mula Perkhidmatan sehingga tarikh siap.

D: Tempoh hari lewat.

b) menolak Perkhidmatan tersebut dan mendapat Perkhidmatan yang dikehendaki daripada kontraktor lain. Jika kos memperoleh Perkhidmatan daripada kontraktor lain melebihi harga dalam Perjanjian ini, Kontraktor hendaklah membayar perbezaan amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada MPC; atau

c) menamatkan Perjanjian menurut Klausa 13 Perjanjian ini.

8.2 Sekiranya Kontraktor gagal menyempurnakan Perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam Tempoh Perjanjian yang dipersetujui, maka Kontraktor dikehendaki membayar pampasan dalam tempoh **tiga puluh (30)** hari setelah menerima notis pampasan daripada MPC dengan menggunakan formula berikut:

Formula: <u>(BLR + 1%) x (Harga Kontrak/365) x (bilangan hari lewat)</u>

8.3 Kelewatan disebabkan berlakunya perubahan Perkhidmatan dan mendapat arahan dari MPC adalah berkecuali dari dikenakan pampasan.

9.0 **IKLAN**

9.1 Perjanjian ini tidaklah boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau lain-lain bentuk media masa tanpa kelulusan bertulis dari MPC.

10.0 **PEMAJAKAN DAN KONTRAK KECIL**

10.1 Kontraktor tidak boleh memajakkan apa-apa bahagian Perjanjian ini atau membuat apa-apa kontrak kecil bagi melaksanakan Perjanjian ini dan apa-apa bahagiannya dengan tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis MPC.

11.0 **PEMBERIAN MILIK**

11.1 Kontraktor tidak boleh memberi milik kontrak atau mana-mana bahagiannya atau memberi milik, menggadai janji, menggadai atau mempertanggungkan

apa-apa jua daripada wang yang kena dibayar atau yang telah genap masanya untuk dibayar di bawah atau yang mungkin terbit dari Perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis MPC.

## 12.0 FORCE MAJEURE

12.1 Kedua-dua pihak MPC dan Kontraktor adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam menjalankan Perjanjian ini, jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan seperti, rusuhan dan kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, peperangan, bahaya laut, wabak atau sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang seumpama yang tidak dapat dikawal oleh mana-mana pihak. Dalam keadaan sedemikian yang menyebabkan mana-mana pihak tidak dapat menyempurnakan perjanjian ini, perjanjian ini adalah ditamatkan dengan persetujuan kedua-dua pihak.

*[bahagian ini sengaja dibiarkan kosong]*

## 13.0 PENAMATAN PERJANJIAN

13.1 MPC boleh memberi notis bertulis kepada Kontraktor menamatkan Perjanjian ini jika:

a) Representasi dan waranti yang diberikan oleh Kontraktor dalam Perjanjian ini didapati tidak benar;

b) Kontraktor melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam Perjanjian ini;

c) Kontraktor itu sebagai orang perseorangan (atau apabila Kontraktor itu adalah suatu firma, mana-mana pengkongsi firma itu) pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah penerimaan atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya, atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sipiutang-sipiutang atau membuat sesuatu pindah hak atau penyerah hak bagi faedah sipiutang atau jika Kontraktor itu adalah suatu syarikat, meluluskan sesuatu keterangan, atau mahkamah membuat suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah atau seseorang sipiutang melantik seseorang penerimaan atau mengurus, atau yang memberi hak kepada mahkamah membuat suatu perintah penggulungan; atau

d) MPC mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Kontraktor atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan Kontraktor) melakukan perbuatan rasuah atau aktiviti bercanggah dengan perbuatan yang akan terjumlah kepada suatu kesalahan menurut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 atau kesalahan dengan undang-undang yang berkaitan dengan Perjanjian ini dan/atau mana-mana

Perjanjian lain antara Kontraktor dengan pihak MPC dengan syarat sentiasa bahawa penamatan Perjanjian ini tidak menyentuh hak-hak MPC untuk menuntut apa-apa kerugian, kos, kerosakan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh MPC akibat daripada penamatan itu.

13.2 MPC boleh menamatkan kontrak di bawah Klausa ini di dalam keadaan-keadaan lain selain daripada tersebut di bawah perenggan-perenggan di atas.

14.0 **CARA-CARA PENAMATAN PERJANJIAN**

14.1 Perjanjian ini boleh ditamatkan oleh MPC dengan cara memberi notis bertulis tidak kurang daripada **satu (1) bulan** dari tarikh Perjanjian ini hendak ditamatkan.

14.2 Sungguhpun ada terdapat syarat penamatan Perjanjian seperti di atas, MPC adalah berhak sepenuhnya untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa sekiranya pada hemat MPC perkhidmatan yang diberikan oleh Kontraktor tidak memuaskan dengan syarat sentiasa bahawa notis hendaklah diberi tidak kurang dari **dua puluh empat (24) jam** dari tarikh Perjanjian ini hendak ditamatkan.

15.0 **KELELAPAN DEPOSIT**

15.1 Dalam hal di mana Kontraktor melakukan pelanggaran terhadap tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini atau di mana MPC menamatkan perjanjian ini menurut perenggan 13.0 dan 14.0 perjanjian ini. MPC berhak melelapkan apa-apa deposit yang telah dibayar oleh Kontraktor menurut perjanjian ini berserta dengan hak menuntut dari penjamin melalui Bank Guarantee atau Bon Perlaksanaan ganti rugi atau kerugian yang telah dialami oleh MPC akibat penamatan tersebut. Adalah juga dipersetujui bahawa hak MPC untuk melelapkan deposit dan menuntut ganti rugi di bawah Bank Guarantee atau Bon Pelaksanaan tersebut tidak akan menyekat MPC untuk menuntut kerugian atau ganti rugi lain yang diakibatkan oleh penamatan tersebut.

16.0 **NOTIS**

16.1 Notis-notis yang hendak diserahkan kepada Kontraktor memadailah sekiranya dialamatkan dan ditinggalkan atau dihantar dengan pos berdaftar kepadanya di alamat yang tersebut di atas dan notis-notis yang hendak diserahkan kepada MPC memadailah sekiranya dialamatkan dan dihantar dengan pos berdaftar kepadanya di alamat yang tersebut di atas. Notis-notis yang dihantar dengan pos adalah disifatkan sebagai telah diserahkan pada masa yang sepatutnya dihantar ke tempat yang dialamatkan itu.

16.2 Jika menurut peruntukan di dalam Perjanjian ini, satu notis diperlukan, ia hendaklah diberikan secara bertulis dan dihantar dengan pos berdaftar atau diserahkan ke alamat seperti berikut;

**Untuk MPC:**

Pengarah Pejabat Wilayah Selatan
Perbadanan Produktiviti Malaysia,
No. 8, Jalan Padi Mahsuri,
Bandar Baru Uda, 81200
Johor Bahru, Johor Darul Takzim.

**Untuk KONTRAKTOR** :

Pengarah Urusan
Saujana Cipta Security Sdn Bhd
No.20, Jalan Siantan 1,
Taman Kemas, 81200
Johor Bahru, Johor

16.3 Sekiranya berlaku pertukaran alamat Kontraktor, pihak Kontraktor adalah dikehendaki memaklumkan MPC secara bertulis tentang alamat barunya dalam masa empat belas (14) hari dari pertukaran alamat.

17 **MASA**

17.1 Di mana-mana dalam Perjanjian ini, masa adalah merupakan syarat utama yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

**18 DUTI SETEM DAN KOS**

18.1 Apa-apa duti setem yang harus dibayar dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang bersangkutan dengan Perjanjian ini akan ditanggung oleh Kontraktor.

19 **UNDANG-UNDANG**

19.1 Perjanjian ini hendaklah tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

19.2 Pihak-Pihak bersetuju untuk mematuhi segala peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa, arahan, perintah dan kehendak yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia.

20 **PINDAAN-PINDAAN**

20.1 Sebarang pindaan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua-dua pihak.

21 **PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

21.1 Sebarang masalah atau perbalahan yang timbul berkaitan dengan Perjanjian ini sama ada mengenai kesan dan atau pengertian hak, tanggungan atau tanggungjawab pihak-pihak mesti diselesaikan dengan mengadakan perbincangan dahulu bagi menetapkan atau mencari penyelesaian yang sebaik-baiknya.

22 **TIMBANGTARA**

21.1 Jika berlaku apa-apa hal pertikaian atau tuntutan yang timbul daripada atau berkenaan dengan Perjanjian ini atau pelanggaran atau penamatan berkenaan dengan Perjanjian ini yang tidak dapat diselesaikan secara baik atau aman oleh MPC dan Kontraktor, hal, pertikaian atau tuntutan tersebut hendaklah dirujukkan kepada penimbangtaraan tiga orang, seorang dilantik oleh MPC dan seorang lagi oleh Kontraktor, kecuali jika selainnya dipersetujui

dengan tertentu dengan bertulis di antara MPC dengan Kontraktor. Kemudian, kedua-dua penimbang tara yang dilantik itu hendaklah memilih penimbang tara ketiga yang akan bertindak sebagai pengerusi penimbang tara tribunal timbang tara dan atur cara timbang tara itu adalah seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Timbang Tara 2005.

21.2 Setiap prosiding timbang tara hendaklah dijalankan di Pusat Arbitrasi Antarabangsa Asia dengan menggunakan kesemua kemudahan dan peraturan-peraturan yang diterima pakai di Pusat Arbitrasi Antarabangsa Asia.

21.3 Apa-apa rujukan mengenai apa-apa hal, pertikaian atau tuntutan kepada timbang tara menurut klausa ini dan/atau perlanjutan prosiding timbang tara akibat daripadanya hendaklah tidak akan sama sekali bertindak sebagai penepian obligasi pihak-pihak dalam menjalankan obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini.

## 22.0 KETIDAKSAHAN

22.1 Jika mana-mana peruntukan dalam Perjanjian ini dianggap berlawanan dengan undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan atau tidak sah, peruntukan-peruntukan lain dalam Perjanjian ini hendaklah tidak dijejaskan oleh peruntukan yang dinyatakan sebagai berlawanan dengan undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan atau tidak sah tersebut, tetapi Perjanjian ini hendaklah dianggap telah dibuat seolah-olah perkara-perkara berkenaan tidak wujud.

## 23.0 AGENSI DAN PERKONGSIAN

23.1 Kontraktor tidak boleh memberikan gambaran bahawa Kontraktor adalah merupakan prinsipal atau agen kepada MPC atau diberikuasa untuk bertindak sebagai prinsipal atau agen bagi MPC dan dalam mana-mana atau apa-apa keadaan sekalipun, tindakan Kontraktor itu tidaklah boleh dianggap sebagai sesuatu yang mengikat MPC.

## 24.0 PERLINDUNGAN HAK HARTA INTELEK

24.1 Pelindungan hak harta intelek akan dikuatkuasakan selaras dengan undang-undang Malaysia.

24.2 Penggunaan nama, logo dan/atau lambang rasmi kepunyaan MPC pada mana-mana penerbitan, dokumen dan/atau kertas adalah dilarang tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu oleh MPC.

24.3 Bagi tujuan Klausa 24 ini, 'hak harta intelek' termasuk:

(a) paten, hak cipta, hak dalam litar susun atur, rekabentuk berdaftar, cap dagang, kepandaian, rahsia perniagaan dan lain-lain maklumat sulit; dan

(b) apa-apa permohonan atau hak untuk memohon pendaftaran apa-apa hak yang dirujuk dalam (a) di atas.

## 25.0 KERAHSIAAN

25.1 Kontraktor hendaklah pada setiap masa mematuhi peruntukan-peruntukan berikut:

(a) tidak boleh menggunakan apa-apa kebenaran yang diberi oleh MPC kepada ejennya dan pekerjanya di bawah Perjanjian ini untuk mendapatkan apa-apa benda, suratan atau pembekalan lain;

(b) sesuatu benda, suratan atau maklumat rasmi yang diperolehnya melalui Perjanjian ini hendaklah dikawal dan dijaga keselamatan atau kerahsiaan benda, suratan atau maklumat rasmi itu menurut segala peraturan dan undang-undang terpakai;

(c) Kontraktor tanpa kebenaran yang sah, tidak boleh membantu atau membenarkan orang lain memiliki benda, suratan atau maklumat rasmi yang berkaitan dengan tugas atau tempat atau bekalan di bawah Perjanjian ini; dan

(d) sekiranya Kontraktor memiliki sesuatu benda atau suratan rasmi sama ada dengan menjumpainya atau dengan cara lain, Kontraktor hendaklah memulangkannya dengan serta merta kepada MPC.

25.2 Sekiranya Kontraktor gagal mematuhi peruntukan dalam klausa ini, Kontraktor boleh didakwa di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 atau undang-undang lain yang berkaitan atau ditamatkan perjanjiannya atau kedua-duanya sekali.

## 26.0 PENGENEPIAN HAK

26.1 Kegagalan MPC untuk melaksanakan dan menguatkuasakan pada bila-bila masa atau suatu tempoh atau lebih apa-apa terma dan syarat Perjanjian, mana-mana hak, remedi atau peruntukan di bawah Perjanjian ini, tidak akan dianggap sebagai suatu pengenepian hak.

26.2 Apa-apa pengenepian hak MPC di bawah Perjanjian ini adalah tidak sah melainkan ia dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh Ketua Pengarah MPC atau mana-mana pegawai MPC yang telah diberi kuasa.

## 27.0 KEPATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG

27.1 Kontraktor hendaklah patuh kepada kehendak dan keperluan mana-mana perundangan bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia termasuk Akta, Enakmen, Ordinan atau apa-apa perundangan kecil, tempatan, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau apa-apa perundangan subsidiari di bawah mana-mana Akta, Enakmen atau Ordinan, atau apa-apa arahan, perintah, keperluan, garis panduan yang dikeluarkan oleh MPC di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa dalam mana-mana bahagian atau wilayah atau negeri di Malaysia.

*[bahagian ini sengaja dibiarkan kosong]*

Dengan ini disaksikan pihak-pihak di sini telah menandatangani pada ___ haribulan ___________ tahun ______.

**Ditandatangani bagi pihak MPC oleh:**

Nama: **ZAHID ISMAIL**

Jawatan: **KETUA PENGARAH**

Cop Rasmi Jabatan:

....................................
(Tandatangan)

**di hadapan saksi:-**

Nama: **MOHD AZWAN MOHD SALLEH**

Jawatan: **PENGARAH MPC WILAYAH SELATAN**

Cop Rasmi Jabatan:

....................................
(Tandatangan)

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
PEJABAT WILAYAH SELATAN

**Ditandatangani bagi pihak Kontraktor oleh:-**

Nama: AHMAD ZULYZEE BIN HASSAN

Jawatan: PENGURUS CAWANGAN

No. Kad Pengenalan: 77104-01-7119

Cop Rasmi Syarikat:

....................................
(Tandatangan)

SAUJANA CIPTA SECURITY SDN. BHD.
ROC 893859 U

**di hadapan saksi:-**

Nama: Jamaludin Bin Long

Jawatan: Pengarah Urusan.

No. Kad Pengenalan: 511214-02-5225

Alamat: ....................................

....................................
(Tandatangan)

**SAUJANA CIPTA SECURITY SDN. BHD.**
ROC 893859 U
No. 20, Jalan Siantan 1, Taman Kemas,
81200 Johor Bahru.
Tel/ Fax: 07-2321287 H/P: 019-2648317
Email: saujanacipta18@gmail.com

**Lampiran 1: Dokumen Sebut Harga**

2/6

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

# DOKUMEN SEBUT HARGA

## PERKHIDMATAN PENGAWALAN DAN PENGAWASAN KESELAMATAN BAGI BANGUNAN PEJABAT MPC WILAYAH SELATAN

| | | |
|---|---|---|
| NO. TAWARAN | : | MPC (SRO) 10/2023 |
| TARIKH BUKA | : | 14 DISEMBER 2023 |
| TARIKH TUTUP | : | 20 DISEMBER 2023 |
| MASA TUTUP | : | 12.00 TENGAH HARI |
| NO. BORANG | : | 04 |

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

NO. TAWARAN : MPC (SRO) 10/2023

MPC (SRO) 10/2023: PERKHIDMATAN PENGAWALAN DAN PENGAWASAN KESELAMATAN BAGI BANGUNAN PEJABAT MPC WILAYAH SELATAN


| BIL | KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 1 | Surat Akuan Pembida | 3 |
| 2 | Notis Sebut Harga | 4 - 5 |
| 3 | Arahan Kepada Penyebut Harga | 6 – 11 |
| 4 | Borang Sebut Harga (Lampiran Q) | 12 |
| 5 | Syarat-Syarat Am Sebut Harga | 13 - 16 |
| 6 | Spesifikasi Sebut Harga | 17 - 22 |
| 7 | Maklumat Penyebut Harga (Lampiran A hingga F mesti diisi oleh penyebut harga) | 23 – 33 |

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**Bagi**

**MPC (SRO) 10/2023: PERKHIDMATAN PENGAWALAN DAN PENGAWASAN KESELAMATAN BAGI BANGUNAN PEJABAT MPC WILAYAH SELATAN**

Saya ..AHMAD ZULYZEE BIN HASSAN.. nombor K.P. ..771007-01-7119.......... yang mewakili SAUJANA CIPTA SECURITY SDN.BHD........ nombor pendaftaran ..893859-U.................. dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Produktiviti Malaysia atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Produktiviti Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai sogokan mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau

2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga dan

2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

..............................

Nama : AHMAD ZULYZEE BIN HASSAN

No. K.P.: 771007-01-7119

Cop Syarikat :

SAUJANA CIPTA SECURITY SDN. BHD.
ROC 893859 U

## PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

## KENYATAAN SEBUT HARGA

Pelawaan adalah dibuat kepada pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan perkhidmatan seperti berikut:-

| No. Tawaran | Keterangan Tawaran | Kelayakan /bidang | Harga Dokumen |
|---|---|---|---|
| MPC (SRO) 10/2023 | PERKHIDMATAN PENGAWALAN DAN PENGAWASAN KESELAMATAN BAGI BANGUNAN PEJABAT MPC WILAYAH SELATAN | Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang:- 220801 – Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Perlu Lesen KDN) | Percuma |

**CARA MENDAPATKAN DOKUMEN:** Borang Sebut harga boleh didapati secara percuma di Unit Pengurusan Perolehan (PCT), Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Selatan, No. 8, Jalan Padi Mahsuri, Bandar Baru UDA pada waktu pejabat. Pembekal-pembekal dikehendaki **membawa bersama SIJIL AKUAN PENDAFTARAN** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** yang **ASAL, SATU salinan sijil dan cop syarikat** semasa mendapatkan Borang Sebut Harga.

Hanya **individu yang diberi kuasa oleh syarikat (penama)** di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF sahaja dibenarkan untuk mengisi borang pengambilan sebut harga dan mengambil borang sebut harga.

**CARA MENGHANTAR DOKUMEN:** Borang sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis dengan perkataan seperti berikut:

**SULIT – SEBUT HARGA (NO. TAWARAN: MPC (SRO) 10/2023)**

**PERKHIDMATAN PENGAWALAN DAN PENGAWASAN KESELAMATAN BAGI BANGUNAN PEJABAT MPC WILAYAH SELATAN**

Sampul dokumen sebut harga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh tawaran ditutup.

i. Jika sebut harga dihantar **secara serahan tangan**, penyebut harga perlu memastikan dokumen tersebut dimasukkan ke dalam peti tawaran yang diletakkan di Blok Inovasi pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh tawaran ditutup;

ii. Jika sebut harga dihantar dengan menggunakan **perkhidmatan pos berdaftar/ kurier**, penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. **Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan kurier tersebut tidak akan dilayan.**

Dokumen Sebut Harga yang dikemukakan melalui pos hendaklah melalui pos berdaftar dan di alamatkan kepada:

**JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA**
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Selatan
Peti Surat No. 8, Jalan Padi Mahsuri
Bandar Baru UDA ·

**TARIKH TUTUP DAN MASA**: Sebut harga ini akan ditutup pada tarikh **20 DISEMBER 2023 jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima dari waktu dan tarikh yang ditetapkan tidak akan diterima.

Segala perhubungan dan pertanyaan mengenai Sebut harga ini hendaklah dikemukakan kepada:

Untuk syarat am sebut harga:
Nama: En. Mohd Hykal Mohd Halim
No. telefon : 07-238 8464

Untuk spesifikasi teknikal:
Nama: En. Muhammad Hafiz Sabarudin
No. telefon: 07-238 8464

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga.

## ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

**1.0 HAK PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA**

1.1 Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa - apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Sebut Harga adalah muktamad.

**2.0 KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI TAWARAN:**

2.1 Hanya pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa seperti berikut dalam kod bidang pengkhususan 220801 – Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Perlu Lesen KDN)

**3.0 HARGA TAWARAN:**

3.1 Harga yang ditawarkan hendaklah meliputi semua kos seperti cukai, pembungkusan, penghantaran/pengiriman, pengangkutan dan lain-lain. Harga adalah harga di dalam Ringgit Malaysia (RM).

**4.0 CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

4.1 Pembekal adalah dikehendaki mengisi dengan **dakwat hitam** segala maklumat berikut dengan sepenuhnya :-

(a) Harga dan tandatangan pembekal di Ringkasan Sebut Harga,

(b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,

(c) Senarai Kerja Dalam Tangan,

(d) Jadual kadar Harga (jika ada),

(e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).

4.2 Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, pembekal hendaklah menandatangani ringkasan beserta tarikh semua pembetulan. **Penggunaan apa-apa pemadam tidak dibenarkan sama sekali.**

4.3 Penggunaan 'seperti di atas' tidak boleh digunakan.

4.4 Bagi ruangan kosong, misalnya tiada apa-apa maklumat yang hendak diisi, mestilah ditulis dengan perkataan **'tidak berkenaan'.**

4.5 Penyebut harga bagi bekalan / perkhidmatan mesti mengemukakan tawaran harga dan tawaran teknikal dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan berlakri. Bagi sebut harga kerja memadai tawaran dikemukakan dalam satu (1) sampul surat berlakri sahaja.

4.6 Satu (1) penyebut harga hanya dibenarkan mengemukakan satu tawaran sebut harga sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan.

4.5 Dokumen Sebut Harga yang telah disi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga **MPC (SRO) 10/2023** serta tajuk sebut harga dan hendaklah di masukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.

